

AADK gempur dadah hingga akar umbi

Sinar Harian m/s 50 16.10.07

Ibu bapa di kawasan luar bandar masih kurang pendedahan mengenai bahaya dadah.

■ NORSHAHZURA MAT ZUKI

PAYA JARAS - Penagihan dadah di kalangan golongan remaja terutama di kawasan bandar dan luar bandar perlu diatasi segera kerana mereka adalah pemimpin pada masa akan datang.

Menurut Penolong Pegawai Antidadah (AADK) Daerah Petaling, Shuraiya Mohd Jamili, maklumat keseluruhan mengenai dadah perlu diberikan kepada semua lapisan masyarakat untuk memberikan kesedaran kepada mereka supaya menjauhi dadah.

"AADK mendekati masyarakat dengan mengadakan pelbagai program seperti pameran, ceramah dan kem motivasi mengenai bahaya dadah selain bertujuan menanam rasa benci terhadap najis dadah," katanya kepada




SHURAIYA MOHD JAMILI

Sinar Harian semalam.

Menurutnya, AADK berbuat demikian untuk menyebarkan maklumat untuk memberikan informasi mengenai penyalahgunaan, kesan, jenis-jenis dadah yang perlu dijauhi demi memastikan masyarakat peka mengenai bahaya najis dadah.

Shuraiya memberitahu, melalui kajian yang dilakukan, ibu bapa di kawasan luar Bandar masih kurang mendapat pendedahan mengenai dadah.



Orang ramai melihat pameran anjuran AADK.

Dalam pada itu, jelasnya, statistik menunjukkan masalah penyalahgunaan dadah di kawasan Paya Jaras masih berada pada paras sederhana dan tidak membimbangkan.

"AADK juga turut mengadakan kerjasama

dengan masyarakat setempat seperti gotong-royong membersihkan masjid, tazkirah, sumbangan risalah mengenai panduan untuk menjauhi dadah dan secara tidak langsung kami dapat mendekati mereka dengan cara yang lebih berkesan," katanya.

Tambahnya, kempen yang diadakan melalui media elektronik dan cetak membantu AADK memberi maklumat kepada masyarakat terutama golongan remaja supaya menjauhi dadah dalam kehidupan mereka.

SIFAT LOKAL,
PRINSIP NEUTRAL,
SEMANGAT
NASIONAL,
FIKIRAN GLOBAL

Sinar @ Selangor & KL